

**KEWUJUDAN INDUSTRI HARAM DAN IMPLIKASI TERHADAP
PERSEKITARAN DI KAMPUNG BARU SUBANG, SELANGOR**

Oleh

SITI SAFWATI BINTI ROHANI

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam**

Mac 2002

PENGHARGAAN

“ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM , Assalamualaikum W.B.T “ , saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Ahmad Fuzi bin Arshad yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang proses menjalankan kajian akhir ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) khususnya kepada Pegawai Perancang Bandar dan Penolong Pegawai Perancang Bandar yang telah membantu saya mendapatkan maklumat kajian.

Selain itu, penghargaan yang tidak terhingga ingin saya berikan kepada kedua orang tua saya iaitu dan yang telah banyak memberi dorongan dan semangat untuk saya menyiapkan kajian ini. Segala dugaan dan cabaran saya tempuh dengan sabar dan penuh ketabahan di samping kata-kata perangsang dari kedua orang tua. Terutama sekali ketika saya membuat kajiselidik industri haram di Kampung Baru Subang yang mana keadaannya tidak seperti yang saya jangkakan.

Tidak lupa juga kepada pihakberkuasa yang terlibat iaitu pihak polis Cawangan Kampung Baru Subang yang telah banyak membantu dalam memberikan sedikit maklumat serta kawalan dari segi keselamatan. Ucapan ini saya tujukan khas untuk Ketua Polis Cawangan Kampung Baru Subang.

Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung di dalam proses menyiapkan kajian akhir ini. Semoga Allah akan membala budi kalian. Sekian

“ Wassalam”.

Abstrak

Di dalam membuat kajian ini, pelbagai pendekatan dan kaedah digunakan bagi memastikan masalah-masalah yang wujud akibat perkembangan industri haram di Kampung Baru Subang dapat dikurangkan dan seterusnya diselesaikan sepenuhnya untuk menjamin kesejahteraan dan keharmonian persekitaran sama ada kepada penduduk, keadaan fizikal mahupun kualiti alam sekitar. Tujuan kajian adalah untuk melihat penggunaan pakai proses perancangan di dalam sesebuah perancangan pembangunan. Ini juga adalah untuk melihat sejauhmana perundangan di Malaysia diaplikasikan pada setiap perancangan bagi mewujudkan suatu kawasan yang mempunyai nilai sejaqat. Aspek-aspek seperti maksud industri, faktor-faktor pertumbuhan industri seperti faktor bahan mentah, lokasi tapak, kemudahsampaian, faktor kemudahan awam dan infrastruktur dan faktor pengangkutan. Perindustrian boleh dikelaskan kepada beberapa bahagian iaitu industri ringan, berat, sederhana, khas dan industri kecil dan sederhana (IKS). Kemudahan-kemudahan kawasan perindustrian seperti tempat letak kenderaan, kawasan lapang, zon penampang, sistem saliran dan sebagainya. Pihak-pihak yang bertanggungjawab di dalam proses pemantauan sebarang aktiviti industri adalah MBSA, JAS, TNB dan BOMBA. Isu dan masalah kawasan industri secara lazimnya melibatkan kesan aktiviti industri terhadap penduduk, gunungan, kemudahan, lalulintas, alam sekitar, piawaian perancangan dan keadaan fizikal. Soal selidik dibuat ke atas penduduk sekitar adalah untuk mendapatkan pendapat penduduk berkaitan aktiviti industri dan kesesuaianya serta sokongan penduduk sekitar berkaitan dengan perancangan yang bakal dibuat di Kampung Baru Subang. Selain itu, faktor-faktor yang menjadi penyebab utama pertumbuhan industri haram seperti lokasi, modal, keupayaan pengusaha dan kesan-kesan terhadap persekitaran. Kajian aktiviti perusahaan yang dijalankan oleh pengusaha seperti jenis-jenis perusahaan, usia perusahaan, bilangan pekerja dan kesan aktiviti tersebut serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha. Proses kajian tertumpu kepada kesan-kesan aktiviti perusahaan serta mengemukakan cadangan-cadangan yang relevan untuk mengatasi masalah yang wujud agar perindustrian yang sedia ada berpotensi sebagai pemanjangan kepada pembangunan kawasan serta perancangan yang lebih menyeluruh dan berkesan dapat dilaksanakan.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiii
Senarai Lampiran	xv
Senarai Singkat Kata	xvi

KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN	ms
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kawasan Kajian	2
1.3 Kenyataan Masalah	3
1.4 Matlamat Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kaedah Kajian	8
1.8 Pendekatan Kajian	11
1.9 Kesimpulan	12

BAB 2 KAJIAN LATAR / TEORITIKAL	ms
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Sejarah Kewujudan Industri Moden	14
2.3 Maksud Industri, Industri Haram dan Persekutaran Serta Perkaitannya	15
2.3.1 Maksud Yang Dikemukakan Di Dalam Buku	15
2.3.2 Maksud Yang Dikemukakan Oleh MBSA	17
2.4 Faktor-faktor Pertumbuhan Industri	
2.4.1 Faktor Bahan Mentah	18
2.4.2 Faktor Lokasi Tapak	18
2.4.3 Faktor Kemudahsampaian / Jalan Raya	19
2.4.4 Faktor Kemudahan Awam Dan Infrastruktur	19
2.4.5 Faktor Pengangkutan	19
2.5 Pengelasan Industri	
2.5.1 Industri Ringan	20
2.5.2 Industri Sederhana	21
2.5.3 Industri Berat	21
2.5.4 Industri Khas	21
2.5.5 Industri Kecil Dan Sederhana(IKS)	22